# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 25 BILANGAN 46 | RABU 12HB NOBEMBER, 1980. | رابو 4 محرم 1401 | PERCHUMA




YTM Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah menyampaikan sijil kapada penuntut terbaik bagi Kursus 'B', Dk Saadiah bte Pg Haji Tuah.

# BERJAGA-JAGA TERHADAP ANASIR2 YANG BERTOPENGKAN ISLAM

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah telah menyeru umat Islam di-negeri ini supaya berjaga-jaga terhadap anasir2 yang bertopengkan Islam.

Anasir2 tersebut, sabda Yang Teramat Mulia kebanyakan-nya bergiat sachara mengembangkan ajaran2 salah yang bertentangan dengan ajaran2 Islam yang sebenar-nya sahingga ada di-antara-nya telah menimbulkan berbagai keriuhan dan kekachauan.

Bersabda sa-jurus sabelum menyampaikan sijil2 kapada sa-ramai 74 orang guru2 ugama yang telah menamatkan latehan perguruan mereka di-satu majlis yang telah berlangsong di-Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan disini pada hari Ahad lepas, Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara menambah sabda, untok menjauhi sa-barang perkara yang mengakibatkan kegelinchiran dari ajaran dan petunjok Allah yang sabenar-nya peranan guru2 ugama dalam mendidek dan memberi pengajaran yang betul ada-lah sangat2 di-perlukan.

"Peranan guru2 ugama dalam bidang-nya ia-lah supaya raayat benar2 terasoh dan terdidek dengan pengetahuan ugama Islam yang betul mengikut ajaran Al-Koran dan Hadith Nabi Muhammad s.a.w.", sabda Yang Teramat Mulia.

Jadi dari itu jelas Yang Teramat Mulia, di-samping turut mengisi kekurangan2 yang ada didalam perguruan di-negeri ini peranan guru2 ugama sangat-lah mustahak untok melengkapi pembangunan Negeri Brunei sa-jajar dengan apa yang sama2 kita kehendaki.

"Dengan ramai-nya guru2 ugama dan alim ulama' di-dalam negeri ini tidak

Lihat muka 18

## *Guru2 ugama di-seru:*

# Lengkapkan diri utk menghadapi perosak iman

BANDAR SERI BEGAWAN. — Guru2 ugama telah di-seru agar menyiapkan diri mereka untok menghadapi anchaman-anchaman dan gugatan2 dari anasir2 yang tidak sehat yang ingin merosakkan keperchayaan, akidah dan keimanan orang Islam di-negeri ini.

Selaku sa-orang pendidek sa-tiap guru khasnya guru2 ugama banyak mempengarohi penuntut2 mereka melalui tingkah laku dari apa yang mereka uchapkan samada yang berupa nasehat atau pengajaran. Pendek-nya perbuatan guru lebeh berkesan di-jiwa murid2-nya daripada uchapan dan nasehat guru itu sendiri.

Oleh itu guru ada-lah perlu supaya sentiasa berwaspada bagi menjadi benteng pertahanan dalam memelihara akidah dan keimanan anak2 murid mereka dan seterus-nya akidah dan keimanan orang2 Islam di-negeri ini.

Seruan ini di-buat oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Seruddin ketika beruchap di-Majlis Penyampaian Sijil2 kapada guru2 ugama di-Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan di-sini Ahad lalu.

"Saya amat khuatir jika sekira-nya guru2 ugama tidak mempunyai persediaan dalam menghadapi ajaran2 sesat yang sudah tersibar, maka ada-lah ditakuti bahawasa-nya anasir-anasir yang ingin merosakkan itu akan boleh menjangkiti dan merosakkan keimanan murid2 sekolah dan guru2 sendiri," kata Yang Berhormat.

Bagi melengkapkan diri guru2 dengan ilmu pengetahuan yang mendalam untok menguatkan lagi persediaan menghadapi sa-barang chabaran keliling, mereka

Lihat muka 18

### Manis-nya Iman

"APABILA dua orang datang kapada mu meminta putuskan perselisehan mereka maka jangan-lah engkau membuat keputusan — memenangkan yang sa-orang — sa-hingga-lah engkau mendengar keterangan yang sa-orang lagi. Dengan demikian itu baharu-lah engkau dapat mengetahui bagaimana akan engkau buat keputusan." — HADITH Nabi riwayat Imam Ahmad, Abu Daud dan At-Tarmizi daripada Sayidina 'Ali (radhiallahu 'anhu).

## Awal Tahun Hijrah 1401 di-alu2kan dgn sembahyang berjemaah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sambutan2 bagi mengalu2kan Awal Tahun Hijrah 1401 telah di-mulakan pada minggu lepas dengan bersembahyang berjemaah di-semua masjid2 dan surau2 di-seluroh negeri. Achara yang diadakan pada petang hari Sabtu itu telah di-mulakan dengan bachaan Do'a Akhir Tahun, kemudian sembahyang fardhu Maghrib dan di-ikuti dengan bachaan Do'a Awal Tahun dan selanjut-nya cheramah2 Ugama di-sampaikan oleh Pegawai2 Ugama sa-belum menunaikan sembahyang fardhu Isha.

Beribu2 orang umat Islam telah membanjiri masjid2 diseluroh negeri. Empat buah masjid telah di-jadikan pusat sambutan. Masjid Omar Ali Saifuddin bagi Daerah Brunei-Muara dan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak

Lihat muka 18



YTM Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara dengan di-temani oleh Y.B. Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama berangkat menyaksikan pameran gambar2 dan bahan2 Sambutan Tahun Hijrah 1400 sa-telah Majlis Penyampaian Sijil tersebut.

*Mari-lah kita meramaikan sambutan2 sempena kedatangan tahun Hijrah 1401 (Abad ke-15) di-seluroh negeri 1hb hingga 30hb Muharram bersamaan 8hb Nob. hingga 7hb Dis. 1980.*



KERJA2 pembenaan ka-atas bangunan Ibu Pejabat Askar Melayu Diraja Brunei sedang berjalan lanchar (gambar bawah) dan apabila siap nanti bentok bangunan itu ada-lah saperti lukisan di-atas.

# IBU PEJABAT BARU BAGI AMDB

BERAKAS KEM. — Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei akan mempunyai sa-buah ibu pejabat-nya yang baru apabila projek tersebut selesai menjelang akhir tahun hadapan.

Demikian di-nyatakan oleh pegawai perhubongan projek tersebut ketika kami temui di-pejabat beliau Rabu lalu.

Kerja2 perengkat awal ka-atas pembenaan kompleks pejabat dan bangunan-bangunan lain yang termasok di-dalam projek yang menelan belanja $10.4 juta itu telah di-mulakan di-dalam bulan Mach lalu, dan kini sedang berjalan lanchar.

"Rejimen Askar Melayu Diraja Brunei belum lagi mempunyai sa-buah ibu pejabat-nya yang tersendiri dan bangunan yang kami dudoki pada ketika ini seharus-nya di-gunakan oleh Battalion Pertama," jelas pegawai perhubongan tersebut.

Bangunan yang mereka gunakan ketika ini ternyata tidak dapat menampong kebanyakan pejabat-pejabat lain yang bersangkutan dengan pentadbiran rejimen dan ia-nya telah di-tempatkan di-bangunan2 sementara.

Tapak bagi bangunan ibu pejabat baru tersebut terletak di-sa-buah tapak sa-luas lebeh kurang 10 ekar dalam kawasan perkhemahan itu dan di-antara bangunan2 yang termasok di-dalam projek ini ia-lah dua buah bangunan penginapan bagi soldadu2 bujang, tempat meletak kereta dan sa-buah bangunan pejabat pentadbiran. Kakitangan2 rejimen yang sudah berumahtangga walau bagaimana pun, akan kekal mendiami perumahan yang mereka dudoki pada ketika ini.

Reka-bentok keselurohan projek tersebut di-sempurnakan oleh Akitek Ho Kwong Yew dan Anak2 manakala kerja2 pembenaan di-laksanakan oleh Pemborong Lian Heng Limited.



## Buku ini sedang di-jual

BANDAR SERI BEGAWAN.—Jabatan Buroh telah pun menchetak Undang-Undang Buroh untok di-jual kapada orang ramai.

Buku yang berharga $15.00 itu boleh di-beli dari Bahagian Penerangan Jabatan Setia Usaha Kerajaan.

# SPI Pengkalan Batu johan bahas

GADONG. — Sekolah Persediaan Inggeris Pengkalan Batu telah berjaya menjadi johan dalam Peraduan Bahas Perengkat Akhir bagi Sekolah2 Persediaan Inggeris Sa-Negeri yang berlangsong di-Sekolah Melayu Menglait di-sini pada hari Rabu lalu.

Sekolah Persediaan Inggeris Pengkalan Batu, sabagai Penchadang dalam peraduan itu telah mengalahkan Sekolah Persediaan Inggeris Sungai Hanching.

Tajok yang di-perbahaskan pada hari itu ia-lah "BEKERJA SA-BAGAI PETANI LEBEH BAIK DARI BEKERJA DI-DALAM PEJABAT."

Peraduan yang di-anjorkan oleh Jabatan Pelajaran itu di-rasmikan oleh Pegawai Pelajaran Daerah, Pengiran Mustafa bin Pengiran Metassan.

Dalam uchapan perasmian-nya, Pg Mustafa menekankan kapada ibubapa2 bahawa objektif peraduan itu ada-lah untok mengasoh murid2 supaya petah berchakap, mengeluarkan pendapat yang ideal dan berani pula bersemuka dalam satu2 majlis perbinchangan.

"Asohan ini hendak-lah di-pelihara dengan sabaik2-nya supaya jangan tergelinchir dari objektif peraduan itu," jelas beliau.

Menurut Pengiran Mustafa, penchapaian objektif peraduan lebeh penting kalau di-ukor dari gelaran menyandang johan sahaja.

Beliau seterus-nya menjelaskan, berbahas tidaklah sa-mesti-nya menjerit atau 'menarais' saperti tarzan. Kerana sifat2 sademikian boleh membinasakan chiri2 pertutoran orang2 Melayu yang teradun dengan kehalusan bahasa yang lemah lembut.

Pertutoran yang terator dan menepati objektif perbahasan itu dapat pula menyebarkan chiri2 kebudayaan bertutoran bangsa kita.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Penghulu Mukim Gadong, Awang Haji Shukor bin Haji Pakar.



PEGAWAI Pelajaran Daerah, Pengiran Mustapha bin Pg Metassan ketika beruchap merasmikan peraduan bahas pada hari itu. Sementara gambar bawah ketua pasokan SPI Pengkalan Batu yang memenangi peraduan itu sedang menerima oskar kejohanan mereka daripada Penghulu Mukim Gadong, Awang Haji Shukor bin Haji Pakar.





KURSUS Pengenalan Bagi Kerani2 Yang Baharu Berkhidmat akan di-adakan oleh Yunit Latehan Jabatan Perjawatan pada 18hb Nobember ini.

Kursus sa-lama tiga hari itu akan di-hadhiri oleh 21 orang kerani yang baharu berkhidmat dari beberapa buah jabatan Kerajaan.

Gambar atas kelihatan kerani2 yang telah menghadhiri kursus yang sama yang telah di-adakan baru2 ini.

**BERIKUT ia-lah uchapan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Serudin bagi mengalu2kan Awal Tahun Hijrah 1401 yang telah di-siarkan melalui Radio dan Talivishen Brunei pada malam Ahad lalu.**

# KUKOHKAN KEPERCHAYAAN, AKIDAH DAN KEIMANAN KAPADA ALLAH

ALHAMDULILLAH, shukor kehadhrat Allah Subhanahu Wata'ala, salawat dan salam kapada junjongan kita Nabi Muhammad s.a.w. dan sahabat2 serta pengikut2 Baginda yang setia lagi jujor hingga ka-akhir zaman.

Pada malam ini dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala, kita memasoki Tahun Baru Hijrah 1401 ia-itu Kurun Ke-15 Hijrah.

Pada tahun yang lalu kita telah mengalu2kan kedatangan Tahun Hijrah 1400, ia-itu ketika kita memasoki gerbang Kurun Ke-15 Hijrah, dan kita telah mengadakan sambutan2 sa-chara besar2an menurut kemampuan kita, yang mana achara2 sambutan itu telah di-dokong oleh semua perengkat Umat Islam di-negeri ini. Sa-bahagian daripada achara2 itu maseh lagi segar dalam ingatan kita, dan ada-lah diharapkan supaya tujuan2 dan matalamat2 yang ingin dichapai daripada sambutan2 ditahun yang lalu itu akan terus bersemarak dalam ingatan dan jiwa kita, khas-nya pada menyemarakkan lagi shi'ar Islam di-negeri kita ini, dan pada menambah serta mengingatkan lagi kesedaran dan semangat berugama di-kalangan semua perengkat orang2 Islam, dengan chara meluaskan ilmu dan amalan2 ajaran-nya di-perengkat rasmi dan tidak rasmi dengan sa-tegas2-nya, sesuai dengan kedudokan negeri kita Brunei Darussalam sa-bagai sa-buah negeri Islam, yang telah menghasratkan supaya Islam menjadi Idelogi Negara, dan chara hidup yang lengkap dan sempurna di-di-negeri ini.

Kedatangan Tahun Hijrah 1401 yang bermula pada malam ini, akan kita sambut dengan achara2 yang agak sederhana, tetapi ia maseh mendokong matalamat dan tujuan2 yang di-chatetkan pada sambutan Tahun Hijrah 1400 yang lalu, dan achara2 sambutan pada tahun ini merupakan lanjutan kapada achara2 pada tahun yang lalu itu.

Pada waktu Ashar tadi, Doa Akhir Tahun 1400 Hijrah telah di-bachakan di-seluroh masjid di-negeri ini, kemudian sembahyang Maghrib berjema'ah di-adakan dan di-ikuti dengan bachaan doa Awal Tahun dan selanjut-nya cheramah2 Ugama di-adakan sabelum menunaikan sembahyang fardhu Isha.

Dalam kita menyambut kedatangan Tahun Hijrah 1401 ini, maka salah satu perkara yang amat penting yang perlu kita sedari ia-lah mengenai dengan diri kita sendiri, khas-nya keperchayaan kita, keimanan kita, keikhlasan kita, yang mana kesemua-nya itu menuju ka-arah pada menchari dan menchapai keredhaan Allah jua.

Kekuatan kita sa-bagai Umat Islam ada-lah berpuncha dari dalam diri kita sendiri, berpuncha daripada keperchayaan kita, berpuncha daripada akidah kita, berpuncha daripada iman kita kapada Allah, berpuncha daripada keikhlasan kita dalam menunaikan dan menjunjong titah perintah Allah, dan berpuncha dari sifat takwa, sifat yang sangat2 di-muliakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Umat Islam sekarang ini menghadapi berbagai2 tentangan, dan menghadapi berbagai-bagai chubaan, termasok-lah tentangan2 dari segi keperchayaan, akidah dan keimanan kita kapada Allah, tentangan2 itu datang-nya dalam berbagai bentok dan sabahagian-nya sangat menarik dan menggalakkan. Dalam kesempatan ini ada baik-nya juga saya mengambil peluang untok menyingkap sedikit tentangan dan chobaan yang telah berlaku untok mengugat keperchayaan, akidah dan keimanan Umat Islam.

Sa-orang ulama di-negeri Yaman bernama Sheikh Mohammad bin Malek yang hidup dalam pertengahan abad ke-lima Hijrah telah menyiasat dan membongkar suatu gerakkan yang bertujuan untok menyelewengkan keperchayaan, akidah dan keimanan orang Islam, gerakkan itu mempunyai wakil2 yang tertentu dan mereka sentiasa berusaha untok memanching dan membuat tipu helah terhadap orang2 bijak dengan berbagai2 chara, dan mengelirukan orang2 jahil dengan kata2 yang menarik dan berupa benar, sedangkan tujuannya ada-lah jahat.

Umpama-nya mereka menyeru orang Islam supaya rajin dan tekun bersembahyang, ta'at mengerjakan puasa, tidak bakhil dalam mengeluarkan zakat dan sa-bagainya. Dalam masa mereka berchampor dengan orang2 yang telah termakan ajaran2 mereka, sa-benar-nya mereka menguji dan menilai sejauh mana keimanan dan kesabaran pengikut2-nya itu, pengkajian saperti ini memakan masa sa-tahun dua atau lebeh, sa-telah itu mereka pun memulakan gerakkan pada membuat tafsiran Al-Kor'an dan Hadith Nabi mengikut kehendak hawa nafsu mereka, dan mereka berlagak saperti orang alim, sa-telah mereka berpuas hati bahawa pengikut2 mereka itu dapat di-pengarohi dan patoh pula kapada pengajaran2 mereka, pada ketika itu bermula-lah langkah2 selanjut-nya saperti berikut:—

1 — Mereka mengatakan, buka-lah segala rahsia dan *jangan-lah* berpuas hati saperti orang awam yang hanya berasa *chukup dengan* perkara2 dzahir *menurut* pandangan mata kasar *sahaja*, bahkan perhatikan-lah Kor'an

Lihat muka 9

# Sejarah rengkas Masjid2 yang akan di-buka rasmi

## Masjid Sungai Liang

MASJID yang pertama didirikan di-Kampong Sungai Liang ia-lah kira2 dalam tahun 1955 terletak di-tepi pantai Sungai Liang kira2 ¼ batu jauh-nya dari bangunan masjid yang ada sekarang. Ianya di-bena oleh pendudok kampong sa-chara memuchang2 dengan belanja kira2 $2,000.00 yang di-dermakan oleh pendudok kampong dan orang ramai.

Sa-telah masjid itu tidak lagi sesuai di-gunakan, masjid kedua pun di-bena di-atas tapak bangunan masjid yang ada sekarang dengan menelan belanja lebeh kurang $14,000.00. Wang itu di-perolehi dari derma pendudok kampong dan orang ramai, manakala sa-paroh dari jumlah tersebut ada-lah sumbangan dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei. Pembenaan-nya telah di-selanggarakan oleh sa-orang pemborong tempatan di-kampong itu. Masjid ini hanya dapat di-gunakan sa-hingga awal tahun 1979. Sa-belum ia-nya di-gantikan dengan bangunan yang baru, pendudok kampong telah membena bangunan sementara untok tempat bersembahyang fardhu Jumaat tidak jauh dari tapak yang ada sekarang.

Sementara itu masjid ketiga ia-itu masjid baru yang ada sekarang pun di-dirikan. Pada 15hb Jun, 1979 Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohd Jaafar, Pegawai Daerah Belait ketika itu telah meletakan batu asas bangunan tersebut. Perbelanjaan membena-nya yang berjumlah lebeh $150,-000.00 itu di-tanggong sa-penoh-nya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Hal Ehwal Ugama. Bangunan masjid baru ini mula di-gunakan pada 11hb Nobember, 1979 dan ia-nya boleh menampong jemaah sa-ramai 200 orang.

Bersempena dengan sambutan awal tahun Hijrah 1401, maka upachara pembukaan rasmi masjid ini telah di-jadikan sa-bagai salah satu achara yang di-fikirkan munasabah dan bersesuaian untok memeriahkan lagi suasana sambutan yang bersejarah itu. Upachara yang bersejarah itu telah di-sempurnakan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail, Menteri Besar Brunei pada 1hb Muharram, 1401 bersamaan 8hb Nobember, 1980.



Masjid Sungai Liang.

## Masjid Kampong Menunggol

Pada mula-nya pendudok Kampong Menunggol menunaikan sembahyang fardhu Jumaat di-Masjid Omar Ali Saifuddin di-Bandar Seri Begawan. Untok sampai ka-tempat itu mereka terpaksa menggunakan perahu melalui Sungai Brunei. Memandangkan kapada kepayahan yang mereka alami itu, akhir-nya pada awal tahun 1969 satu keputusan telah di-chapai untok mendirikan sa-buah balai ibadat. Hasil dari kutipan derma pendudok kampong dan sumbangan dari orang ramai wang sa-jumlah $6,045.91 telah di-peruntokan untok tujuan tersebut.

Bangunan Balai Ibadat itu tidak tahan kekal lama terpaksa di-gantikan dengan yang baru dan sesuai pula untok di-gunakan dalam jangka masa yang panjang. Maka sa-telah mendapat peruntokan wang berjumlah $90,000.00 dari Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Hal Ehwal Ugama masjid baru pun di-bangunkan pada tahun 1979.

Maka pada hari Jumaat 8hb Muharram, 1401 bersamaan 14hb Nobember, 1980 ada-lah hari gemilang lagi bersejarah bagi pendudok Kampong Menunggol, di-mana pembukaan rasmi bangunan masjid baru itu akan di-sempurnakan oleh Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awg Haji Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Awg Haji Ibrahim, Penasehat Umom kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei

## Masjid Kampong Junjongan

Rumah ibadat yang mula2 terdiri di-Kampong Junjongan hanya-lah merupakan sa-buah surau kechil. Ia-nya di-dirikan atas usaha bergotong-royong pendudok kampong di-sini. Sa-belum terdiri-nya surau tersebut pendudok kampong di-sini menunaikan sembahyang fardhu Jumaat terpaksa-lah pergi ka-Masjid Kampong Masin dengan menggunakan jalan Sungai atau ka-Masjid Kampong Limau Manis yang agak hampir sedikit ia-itu jauh-nya kira2 lima batu dari sini.

Memandangkan kapada keadaan dan keperluan2 sekarang surau itu tidak-lah memadai. Lantaran itu, dalam pertengahan tahun 1972 pendudok kampong telah berunding dan mengambil keputusan untok membena sa-buah bangunan masjid yang berbentok kekal. Untok menchapai hasrat yang mulia itu kutipan derma telah di-edarkan ka-seluroh negeri yang akhir-nya wang sa-jumlah $11,000.00 telah dapat di-kumpolkan. Oleh kerana jumlah wang itu belum menchukopi — pembenaan-nya terpaksa-lah di-tanggohkan.

Akhir-nya dengan kemurahan hati Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Hal Ehwal Ugama telah mengambil peranan penting dengan mengambil alih projek tersebut dan menanggong perbelanjaan membena masjid itu sa-penoh-nya. Wang sa-jumlah lebeh $75,000.00 telah di-peruntokan untok pembenaan masjid baru itu.

Wang kutipan derma yang berjumlah lebeh $11,000.00 itu langsong tidak terlibat dalam pembenaan masjid itu, wang itu maseh tersimpan di-Bank Hongkong dan Shanghai di-bawah pengawasaan Majlis Ugama Islam Brunei.

Untok menyemarakkan lagi suasana sambutan awal tahun Hijrah 1401 yang kita adakan sa-panjang bulan Muharram ini, maka upachara pembukaan rasmi masjid ini di-selajorkan dengan bersempenakan hari baik bulan baik itu. Detek bersejarah yang akan menjadi kenangan dan ristaan baik itu nanti akan di-sempornakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Laila Utama Awang Haji Abdul Rahman bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Awg Haji Mohamad Taha pada hari Juma'at 13hb. Muharram, 1401 bersamaan dengan 21hb. Nobember, 1980.



Masjid Kampong Junjongan.



Masjid Kampong Kasat.



Masjid Kampong Menunggol.

## Masjid Kampong Kasat

Sa-belum terdiri-nya masjid baru yang ada sekarang ini, pendudok Kampong sudah mempunyai sa-buah masjid yang di-bena dalam tahun 1965 dengan menelan belanja sa-banyak $6,500.00 hasil kutipan derma dari pendudok Kampong Kasat dan sumbangan derma dari orang ramai. Masjid itu di-bena di-atas tapak sa-bidang tanah sa-luas ¼ ekar yang di-wakafkan oleh Awang Haji Ibrahim bin Salam dan Awang Haji Belaman bin Adi. Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kamaluddin, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama ketika itu, yang sekarang di-kenali sebagai Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Dato Paduka Haji Kamaluddin, Pengarah Perpindahan, Brunei telah menyempornakan pembukaan rasmi-nya pada hari Juma'at 13hb. Ogos, 1965.

Oleh kerana bangunan masjid yang hanya di-bena dari kayu itu sering mengalami kerosakan dan akhir-nya tidak lagi sesuai di-gunakan untok tempat beribadat, tambahan lagi para jema'ah bertambah ramai, maka dengan kemurahan hati Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Hal Ehwal Ugama telah memperuntokan wang berjumlah $25,000.00 untok membena sa-buah masjid baru yang lebeh besar dan konkret saperti yang ada sekarang. Pembenaan-nya telah di-selanggarakan oleh pemborong tempatan ia-itu Awg Haji Hamidon dan Anak2. Sementara menunggu bangunan baru itu di-siapkan pendudok2 Kampong bersembahyang Juma'at di-rumah lama Allahyarham Pengarah Haji Untong bin Judin atas Kemurahan hati anak2-nya. Kerana bangunan masjid lama terpaksa di-robohkan untok mengambil alih tapak-nya bagi mendirikan masjid baru.

Bangunan baru itu telah siap di-bena pada awal bulan Julai 1980. Maka pada mengambil sukut baik di-hari baik bulan baik ini; penggunaan bangunan masjid baru itu akan di-buka dengan rasmi-nya oleh Yang Berhormat Dato Seri Paduka Haji Talip bin Derwish, Pengarah Kerja Raya Brunei pada hari Juma'-at 20hb. Muharram, 1401 bersamaan 28hb Nobember, 1980.

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

**Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.**

## RABU — 12HB NOB.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 ANIMAL WORLD
5.30 JANA OF THE JUNGLE
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 MORK AND MINDY
6.07 AZAN MAGHRIB
6.11 MORK AND MINDY — sambongan
6.30 DR WHO — 'Image of Fendahl'
6.50 CHERAMAH SEMPENA HIJRAH

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE MISADVENTURES OF SHERIFF LOBO
7.22 AZAN ISHA
7.26 THE MISADENTURES OF SHERIFF LOBO — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.40 CHERAMAH KHAS 1401
8.50 THE WAR YEAR — "The Battle of Italy" Pertarongan pehak Bersekutu dan tentera Jerman untok menaaloki semenanjong Itali.
9.40 TAYANGAN GAMBAR TV: "The Spy With My Face"
11.40 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 13HB NOB.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
4.55 SESAME STREET
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 SPIDERMAN
6.07 AZAN MAGHRIB
6.11 SPIDERMAN — sambongan
6.35 MARI MEMASAK
6.50 CHERAMAH SEMPENA HIJRAH

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 GREAT WESTERN THEATRE — Satu siri Western yang berchorak baru yang di-kendalikan oleh Chuck Connors. Di-samping Chuck, siri ini juga mempaparkan bintang2 termashor saperti Lee Ban Cleef dan Burt Reynolds.
7.22 AZAN ISHA
7.26 GREAT WESTERN THEATRE — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH KHAS 1401
8.40 HIDAYAT
9.00 DUNIA MINGGU INI
9.30 CARGO 1000 LNG UNTOK JEPUN
10.20 TELFORD'S CHANGE.
10.50 BIG VALLEY
11.30 SIARAN TAMAT.



**KENAL siapa dia? Tom Poston sa-bagai Mr Bickley dalam siri Mork and Mindy — sa-tiap hari Rabu jam 6.05 petang.**

## JUMAAT — 14HB NOB.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SONG BOOK
5.15 CHILDREN'S SERIAL PACKAGE
5.30 MAGIC PALACE
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 KID POWER
6.07 AZAN MAGHRIB
6.11 KID POWER — sambongan
6.30 THE MUPPET SHOW
6.50 CHERAMAH SEMPENA HIJRAH

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE GENTLE TOUCH
7.22 AZAN ISHA
7.26 THE GENTLE TOUCH — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 WARISAN
8.40 CHERAMAH KHAS 1401
9.00 BENSON
9.30 BIG LEAGUE SOCCER
10.20 HAWAII FIVE O
11.10 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 15HB NOB.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
4.55 SESAME STREET
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 THE THING
6.07 AZAN MAGHRIB
6.11 THE THING — sambongan
6.30 ANGIE
6.50 CHERAMAH SEMPENA HIJRAH

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE FOUNDATION
7.22 AZAN ISHA
7.26 THE FOUNDATION — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.40 CHERAMAH KHAS 1401
8.50 SERIKANDI
9.20 PUSPARAMA
10.10 TAYANGAN FILEM MELAYU
12.10 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 16HB NOB.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 DON'T JUST SIT THERE Ep. 13
5.30 CAPTAIN CAVEMAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 CHILDREN'S FEATURES
6.08 AZAN MAGHRIB
6.12 CHILDREN'S FEATURES — sambongan
6.50 CHERAMAH SEMPENA HIJRAH

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TENSPEED AND BROWN SHOE
7.23 AZAN ISHA
7.27 TENSPEED AND BROWN SHOE — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH KHAS 1401
8.40 POT BLACK Ep. 13
9.10 DRAMA HIJRAH — Benderang di-Kota Mekah (ulangan)
9.50 FOX: 'Fox Big "F" Family'. Keluarga Fox menjadi kuchar kachir kerana tanpa bimbingan dari Billy.
10.40 ARMCHAIR THRILLER — Drama TV yang mungkin menakutkan, merunsingkan atau pun mengelirukan dan kadangkala menghiborkan sa-tiap orang dalam satu2 situasi.
11.10 SIARAN TAMAT

## ISNIN — 17HB NOB.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 CHILDREN OF FIRE MOUNTAIN — "The Taniwha" Tom dan Hema menshaki penyembeleh binatang Doomy Dwyer, menchinchang orang2 Maori dan menjual daging mereka!
5.30 YOUNG PEOPLE'S SPECIALS
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 FREEWHEELERS Ep. 8
6.08 AZAN MAGHRIB
6.12 FREEWHEELERS — sambongan
6.30 JASON OF STAR COMMAND
6.50 CHERAMAH SEMPENA HIJRAH

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 VEGAS
7.23 AZAN ISHA
7.27 VEGAS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.40 CHERAMAH KHAS 1401
8.50 MINDER
9.40 HOLLYWOOD "Comedy — A Serious Business"
Mempaparkan kesah pelawak2 Charlie Chaplin, Harry Langdon, Buster Keaton dan Harold Lloyd.
10.30 WARSHIP
11.10 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 18HB NOB.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 DINKY DOG
5.30 GATHER YOUR DREAMS — Dengan penoh jagaan Brenda Wain, Ketty pun beransor semboh.
6.00 CHILDREN'S SERIAL
6.05 DAVID COPPERFIELD
6.08 AZAN MAGHRIB
6.12 DAVID COPPERFIELD — sambongan
6.50 CHERAMAH SEMPENA HIJRAH

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 LOVE BOAT — "The Understudy" Connie Evans walau pun hanya sabagai pembantu kapada Julie McCoy, telah dapat menawan hati Capt Stubing dan hampir2 menyingkirkan Julie dari pekerjaan-nya.
7.23 AZAN ISHA
7.27 LOVE BOAT — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH KHAS 1401
8.40 ARENA SOKAN
9.15 TAYANGAN GAMBAR — "Sweet Charity"
11.00 BILLY LIAR
11.25 SIARAN TAMAT.



**RACHEL (Della Row) ketika tiba di-steshen keretapi dan sedang menunggu ayah-nya pula untok mengambil-nya. Pemandangan ini akan dapat awda saksikan pada Ahad depan dalam siri Armchair Thriller berjodol: Rachel In Danger, episod pertama.**



**CHARLIE Chaplin dan Jackie Coogan dalam satu persembahan klassik mereka "The Kid". Siri Hollywood minggu ini menyingkap sedikit kesah kehidupan mereka.**

# intisari RTB minggu ini




THIS week's battle is between two more upper secondary schools from Seria. They are St Michael's School and Anthony Abell College.

The date of broadcast is Sunday 16th November; the time — at 11.00 o'clock in the morning. But if you can't make it at 11.00, the programme will be repeated at 8.00 the same evening.

Picture shows the team representing St Michael's —Andrew Yap, Victor Lim and Tan Sing Fatt.

# DOKTOR RADIO – tiap2 hari Ahad

SA-BUAH lagi ranchangan baru 'DOKTOR RADIO' telah mula menemui para pendengar sejak 2hb Nobember yang lalu. Ranchangan ini diatorkan siaran-nya pada tiap2 hari Ahad jam 9.30 pagi dan ulangan-nya pada tiap2 hari Jumaat jam 4.00 petang.

Dalam siri ranchangan mingguan yang memakan masa siaran sa-lama 15 minit ini Doktor Haji Amir menemui para pendengar dengan cheramah-nya yang menarek, mudah di-faham dan di-fikirkan sangat2 berguna untok panduan orang ramai menjaga kesihatan diri-nya dan keluarga.

Menchegah penyakit itu ada-lah lebeh baik daripada mengubat-nya. Memandang kapada kebenaran kata2 ini maka kita memperkenalkan ranchangan Doktor Radio yang bukan saja bertujuan untok mengikuti cheramah2 Doktor Haji Amir tetapi juga yang penting-nya ranchangan ini di-jadikan sa-bagai antara para pendengar dengan sa-orang Doktor bagi mengemukakan masaalah2 kesihatan diri mereka atau keluarga mereka.

Ada-lah sentiasa menjadi harapan kita agar ranchangan Doktor Radio ini akan memberi sa-benar2 faedah kapada masharakat terutama mashuarat luar bandar dan pendalaman.

Para pendengar yang ingin hendak mengemukakan apa2 pertanyaan mengenai kesihatan atau rawatan doktor di-persilakan menulis surat dan alamatkan surat2 itu kapada :

Penerbit Ranchangan<br>
Doktor Radio,<br>
Bahagian Melayu,<br>
Radio Talivishen Brunei.



DOKTOR Haji Amir (kanan) sedang menyampaikan cheramah-nya di-Studio Radio Brunei dalam siri ranchangan baru 'DOKTOR RADIO' yang di-selenggarakan oleh penerbit-nya Awang Abdul Manaf Adam.

# RANCHANGAN TVP DARI 17HB HINGGA 22HB NOB.

## ISNIN — 17HB NOB

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 216.
Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti2 saperti BERMAIN MUSIK, PEKERJAAN SENDIRI, SI-MANIS, AMIN, HALAMAN BERCHERITA DAN CHERMIN SAKTI.

Minggu ini si-MANIS berpesan pada kawan2-nya supaya menggunakan sapu tangan bila bersin. Jangan gunakan lengan baju bila selesema.

Di-sudut HALAMAN BERCHERITA kali ini Chegu Sa'diah akan bercherita berkenaan dengan "Kereta Merah Si-Ali."

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 216

## SELASA — 18HB NOB

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 217
Di-dalam ranchangan kali ini Chegu Sa'diah dan kanak2 akan membuat aktiviti2 saperti PAK LONG, YANG MANA GANJIL, KATA SI-MANIS, BERSENAM, SIRI PERMULAAN DAN CHERMIN SAKTI.

Di-SIRI PERMULAAN Chegu Sa'diah akan membacha buku bertajok "Batu" (belah batu bertangkup ha . . . ha . . . ha . . . )

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 217

## RABU — 19HB NOB

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 218.
Kanak2 akan dapat menyaksikan aktiviti2 saperti BERMAIN BAKUL, LUKISAN DARI RUMAH, NAIK KUDA, HALAMAN BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI dalam ranchangan kali ini.

Di-HALAMAN BERCHERITA Chegu Sa'diah akan membacha buku bertajok "Si-Perawai".

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 218.

## KHAMIS — 20HB NOB

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 219
Ranchangan kali ini Chegu Sa'diah dan kanak2 akan membuat aktiviti2 saperti BERMAIN BOLA TUMBOK, MAIN KIM, AMINAH, BELON SI-MANIS, KAJIAN SEMULA JADI dan CHERMIN SAKTI.

Sudut MAIN KIM Chegu Sa'diah akan menggunakan bentok2 saperti Tiga Segi, Empat Segi, Bulat, dan lain2. KAJIAN SEMULA JADI Chegu Sa'diah akan mengajar kegunaan2 daun simpur.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 219.

## JUMAAT — 21HB NOB

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG
Ranchangan kali ini di-isikan dengan aktiviti2 saperti: BERMAIN KUDA, LIHAT DAN PERHATI, KATA SI-MANIS, PAK LONG dan SIRI PERMULAAN.

Dalam ruangan BERMAIN KUDA, kanak2 akan berlakun pergi ka-kampong ayer menaiki perahu dan ruangan KATA SI-MANIS pula menyuroh kanak2 membuat apa yang SI-MANIS telah arahkan.

Di-dalam HALAMAN SIRI PERMULAAN, Chegu Sa'diah akan membachakan sa-buah buku cherita tentang 'Kapal Laut'.

## SABTU — 22HB NOB

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 220
Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti2 saperti ruangan MARI BERLAKON, TEKA BENDA, BERMAIN BOLA, DI-MANA TEMPAT-NYA, HALAMAN BINATANG dan CHERMIN SAKTI.

Di-sudut TEKA BENDA Chegu Sa'diah akan menggunakan bentok yang digunakan di-sudut MAIN KIM.

Di-HALAMAN BINATANG Chegu Sa'diah akan mengajar berkenaan dengan pelandok.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 220.

## AHAD — 23HB NOB

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG
Ruangan BERLAKUN, KERJA TANGAN, BERMAIN KUDA, SI-MANIS, AMINAH, GAMBAR DAN SEBUTAN, serta CHERMIN SAKTI ada-lah aktiviti2 yang kanak2 dapat saksikan di-dalam ranchangan kali ini.

Dalam ruangan KERJA TANGAN, Chegu Sa'diah akan menunjokkan kanak2 chara2 membuat rakit daripada straw dan kotak manchis.

SI-MANIS berpesan kapada kanak2 hari ini supaya berhati2 sa-masa naik perahu. Chegu Sa'diah pula akan mengajar kanak2 benda2 yang bermula dengan huruf 'C'.

# Bingka Labu resepi minggu ini

PUAN2 sekalian minggu ini Chegu Aisah akan memberi tunjok chara mengenai dengan membuat Bingka Labu. Resepi minggu ini sangat-lah mudah dan tidak banyak mengeluarkan belanja. Saperti di-minggu yang lalu Chegu Aisah akan juga memberi beberapa penerangan tentang membuat kueh dan juga penerangan2 yang lain lagi. Resepi dan chara membuat Bingka Labu ada-lah saperti berikut : —

**BINGKA LABU**

**Bahan2-nya :**

- 8 biji telor
- 1 kati gula
- 4 sudu besar penoh tepong
- 1 biji kelapa-ambil 1 mangkok santan
- 1½ kati labu kuning
- 2 oz mentega chair

**Chara membuat-nya :**

1. Rebuskan labu sa-hingga empok, buang kulit dan lechek.
2. Gaulkan dengan tepong.
3. Pukol telor dan gula sa-hingga gula itu hanchor.
4. Masokkan labu, kachau rata2.
5. Tuangkan santan dan mentega chair sedikit2. Gaulkan sa-hingga rata.
6. Sediakan achuan pembakar. Lapiskan dengan kertas dan sapukan minyak rata2.
7. Masokkan adonan labu, ratakan di-dalam achuan.
8. Bakar sa-hingga masak dan garing di-tepi.




YANG Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein beruchap merasmikan Majlis Penutopan Kursus Asas Kepimpinan Belia yang di-adakan di-Pusat Belia pada hari Jumaat lalu sementara gambar bawah kelihatan Yang Berhormat itu menerima chenderamata dari peserta2 kursus yang di-sampaikan oleh Awang Abdul Rahman bin Haji Hussein.



PESERTA2 kursus bergambar ramai b

# SEKITAR KURSUS AS

KURSUS Asas Kepimpinan Belia bagi sa-ramai 47 orang belia dan beliawanis dari beberapa persatuan dan pertubohan di-negeri ini telah berakhir Jumaat lalu dengan penyampaian sijil2 kapada peserta2 kursus oleh Y.A.M. Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yussof, bekas saorang pengasas Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei.

Penutopan kursus tersebut telah di-rasmikan oleh Pengarah Kebajikan Belia dan Sokan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein dan telah di-hadhiri oleh Yang Dipertua Majlis Belia Belia Negeri Brunei, Awang Haji Jaya bin Abdul Latif dan lain2 pegawai kanan kerajaan. Majlis tersebut telah di-mulakan dengan persembahan bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an oleh Awang Haji Mohd. Yussof bin Abu Bakar.

Sa-panjang berkursus para peserta telah mendengar beberapa tajok cheramah oleh penche-ramah2 yang terdiri dari pegawai2 kanan kerajaan dari jabatan2 yang berkenaan di-mana mereka juga telah berkesempatan untok menghilangkan kesangsian dengan mengajukan berbagai2 pertanyaan. Mereka juga telah bersemuka dan beramah mesra dengan beberapa orang tetamu kenamaan sa-telah bersama2 berjemaah menunaikan sembahyang fardhu maghrib pada sa-tiap malam sa-panjang kursus.

Bagi memikul tanggong-jawab selaku pemimpin para peserta juga telah di-atorkan dengan majlis dailog; latehan2 bermashuarat, meranchang projek, berforam dan sabagai-nya di-samping menghalusi Ibadat Sembahyang. Mereka juga telah di-bawa melawat ka-tempat2 perusahaan dan ka-Battalion Kedua Askar Melayu Diraja Brunei di-Perkhemahan Tutong.

Kursus sa-lama sa-minggu itu di-anjorkan oleh Majlis Belia2 Negeri Brunei dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan dan telah di-rasmikan oleh Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Hj Abdul Aziz pada 1hb Nobember.





PESERTA2 kursus juga menghadiahkan chenderamata kapada Yang Dipertua Majlis Belia2 Negeri Brunei. Gambar atas kelihatan Awang Abdul Rahman menyampaikan chenderamata tersebut kapada Awang Haji Jaya bin Abdul Latif.



PESERTA2 kursus ketika mengadakan lawatan ka-Battalion Kedua AMDB, Tutong.

# CHONTOHI KETABAHAN RASULULLAH DALAM MENEGAKKAN SHI'AR ISLAM



PADA hari ini kita sudah berada di-penghujong bulan Dzulhijjah dan di-penghujong tahun 1400 Hijrah. Ini bererti sudah hampir genap-lah 1400 tahun peristewa hijrah Baginda Rasulullah itu berlaku.

Jika kita kenang2kan kembali sejarah hijrah itu di-zaman kemajuan ini neschaya kita akan merasa kagum dan terharu betapa pahit dan menderita-nya Rasulullah s.a.w. dan sahabat2 Baginda yang terpaksa berpindah ka-Medinah meninggalkan kampong halaman dan tanah tumpah darah yang terchinta semata2 demi untok menegakkan kalimah Allah dan ajaran2 ugama Islam. Baginda dan sahabat2 Baginda berhijrah itu ada yang dengan berjalan kaki dan ada yang berkenderaan unta dan kuda dalam keadaan2 yang kurang aman dan chuacha yang panas. Sedangkan pada zaman ini kita yang merasa menaiki bas atau kereta dari Mekah ka-Medinah atau sebalik-nya pun merasa penat di-sebabkan perjalanan lebeh dari tiga ratus batu itu, apatah lagi di-zaman Rasulullah s.a.w. yang tidak banyak mempunyai kemudahan2 perjalanan itu tentu-lah lebeh hebat lagi kepayahan dan penderitaan mereka. Tetapi itu-lah yang telah terjadi, Rasulullah s.a.w. dan sahabat2 Baginda tetap tabah dan sabar dalam menghadapi apa jua rintangan dan kepayahan dalam usaha menegakkan ugama Allah.

Pengorbanan2 Baginda dan sahabat2 Baginda yang tiada tolok banding-nya, itu-lah yang menyebabkan Islam dapat berkembang dan tegak di-muka bumi ini. Dan berpuncha dari jereh payah Baginda dan sahabat2 Baginda itu-lah yang menyebabkan sekarang bilangan umat Islam di-seluroh dunia meningkat kapada 850 juta. Nekmat Islam yang kita terima sekarang ini ada-lah hasil dari pengorbanan besar Rasulullah s.a.w. dan sahabat2 Baginda itu.

Maka dalam kita memperingati peristewa hijrah itu patut-lah kita masing2 bertanya kapada diri kita sendiri apa-kah pengorbanan yang telah dan akan kita buat untok menegakkan ugama Islam? Sudah-kah kita mengetahui hukum2 ugama Islam dan apa2 yang perlu kita amalkan? Sudah-kah kita bersedia menghayati Islam itu dalam semua aspek kehidupan kita? Sudah-kah kita didek dan asoh anggota2 keluarga kita dengan didekan dan asohan Islam? Sejauh mana-kah sudah sumbangan kita bagi perkembangan da'wah Islamiah? Pertanyaan2 ini mustahak kita jawab sendiri bagi mempastikan bahawa kita ada peranan yang kita mainkan dalam menegakkan ugama Allah sekurang2-nya pada diri dan anggota2 keluarga kita masing2 kalau pun belum sampai keperengkat yang lebeh jauh dari itu.

Keupayaan dan kesanggopan Rasulullah s.a.w. dan sahabat2 Baginda berkorban apa sahaja untok menegakkan kebenaran dan meninggikan Ugama Allah, sekali pun terpaksa meninggalkan kampong halaman, meninggalkan rumah dan kemewahan hidup itu patut menjadi chontoh kapada kita dalam usaha2 kita menegakkan ugama pada diri dan keluarga kita. Tanpa kesanggopan dan keupayaan sedemikian tentu-lah amat sukar bagi kita menchapai apa2 jua kejayaan dalam usaha2 kita itu.

Mari-lah kita tanamkan kesedaran pada diri kita tentang usaha2 menegakkan ugama pada diri dan keluarga masing2 dan mari-lah juga kita memberikan sumbangan yang berkesan kearah menjadikan Islam itu sebagai chara hidup kita dan pada menjadikan Islam sebagai ideoloji negara kita. Mudah-mudahan Allah Ta'ala akan sentiasa mengorniakan taufik dan hidayat-Nya atas niat dan usaha kita itu.

Sukachita di-maalomkan kapada para jemaah dan kaum muslimin sekalian, bahawa bersempena ketibaan Awal Kurun Ke-15 Hijrah ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan akan mengadakan sambutan salama sa-bulan mulai 1hb. Muharram, 1401 Hijrah. Di-antara achara2 yang telah di-susun ia-lah mengadakan majlis membacha doa akhir dan awal tahun hijrah, membacha yasin dan bertahlil serta cheramah ugama di-seluroh masjid dan surau di-negeri ini. Majlis2 tersebut telah di-adakan sarentak mulai jam 5.30 petang hari Sabtu 6hb. Nobember, 1980 saterus-nya sa-lepas selesai sembahyang Maghrib.

Oleh yang demikian kita berseru kapada para jemaah dan kaum muslimin di-mukim ini supaya dapat datang beramai2 ka-masjid atau ka-surau ini bagi meraikan dan mengalu2kan ketibaan Awal Kurun Ke-15 Hijrah. Mudah2an dengan demikian akan bertambah bersemarak-lah shi'ar Islam dan kita akan beroleh rahmat dan berkat daripada Allah s.w.t.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bag Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 12hb Nobember, 1980 hingga ka-hari Selasa 18hb Nobember, 1980 ada-lah saperti di-bawah ini : —

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 12hb Nob | 12.11 | 3.29 | 6.07 | 7.22 | 4.35 | 4.50 | 6.07 |
| 13hb Nob | 12.11 | 3.29 | 6.07 | 7.22 | 4.35 | 4.50 | 6.07 |
| 14hb Nob | 12.11 | 3.29 | 6.07 | 7.22 | 4.35 | 4.50 | 6.07 |
| 15hb Nob | 12.11 | 3.29 | 6.07 | 7.22 | 4.35 | 4.50 | 6.07 |
| 16hb Nob | 12.12 | 3.30 | 6.08 | 7.23 | 4.37 | 4.52 | 6.08 |
| 17hb Nob | 12.12 | 3.30 | 6.08 | 7.23 | 4.37 | 4.52 | 6.08 |
| 18hb Nob | 12.12 | 3.30 | 6.08 | 7.23 | 4.37 | 4.52 | 6.08 |

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

## Umat Islam di-seru sentiasa berwaspada

Dari muka 4

dan segala isharat2-nya, ketahui-lah erti sembahyang, erti suchi, dan segala ajaran yang di-sampaikan oleh Rasulullah dengan sechara lambang dan isharat2.

2 — Mereka mengatakan bahawa apa yang dzahir dan apa yang nampak oleh mata kasar itu sa-benar-nya ia mempunyai gambaran yang tersembunyi, sembahyang umpama-nya ada-lah amalan dzahir, ada hakikat sembahyang yang bathin yang perlu di-ketahui, mereka berdalil dengan ayat Al-Kor'an.

Yang bermaksud — 'Dirikan-lah sembahyang dan keluarkan-lah zakat.'

Mereka menyatakan bahawa zakat chuma wajib sa-tahun sekali, maka sembahyang pun tak payah-lah berulang2 banyak kali. Sembahyang dan zakat itu ada gambaran-nya atau ada bathin-nya, bagitu-lah juga puasa dan haji semua-nya ada mempunyai dzahir dan bathin-nya, kerana menurut mereka Tuhan tidak menjadikan dzahir melainkan ada bathin-nya, dan mereka berdalil dengan membacha ayat Al-Kor'an (Suratul A'raf ayat 33)

Yang bermaksud — "Katakan-lah wahai Nabi Muhammad, bahawasa-nya Tuhanku telah mengharamkan segala yang keji2 daripada barang yang dzahir dan yang bathin."

Berdasarkan ayat ini, mereka menambah bahawa tidak-lah kamu lihat umpamanya telor itu ada dzahir-nya dan ada bathin-nya.

Mereka mendakwa bahawa yang dzahir itu ada-lah nampak dan di-ketahui oleh orang ramai, tetapi perkara2 bathin hanya di-ketahui oleh orang2 yang tertentu dan khas dan mereka itu amat sedikit bilangan-nya.

Maka mereka pun berdalil dengan firman Allah (Surah Hudhud ayat 40) yang berbunyi.

Yang bererti — "Dan tidak beriman bersama2-nya kechuali sedikit sahaja."

Mereka berdalil lagi dengan firman Allah (Surah Saba ayat 13)

Erti-nya — "Dan sedikit sahaja daripada hamba2Ku yang bershukor."

Mereka menafsirkan bahawa yang sedikit itu ia-lah orang2 yang mengetahui perkara2 bathin.

Dan menurut tafsiran mereka lagi perkataan As-Salah perkataan Arab yakni sembahyang dan azzakah yakni zakat, kedua2-nya mengandongi tujoh huruf, dan kedua2-nya itu ada-lah menunjokkan Ali dan Muhammad, kerana jumlah huruf kedua perkataan Ali dan Muhammad itu ia-lah tujoh juga, bilangan hari juga ada-lah tujoh, dan ia menunjokkan tujoh darjat wilayah. Ada pun erti sembahyang dan zakat itu ia-lah wilayah Muhammad dan Ali (Nabi Muhammad dan Saidina Ali), dengan mengaku wilayah kedua2-nya itu bererti orang yang mengaku itu telah mendirikan sembahyang dan telah mengeluarkan zakat, maka menurut ajaran mereka bahawa ada-lah chukup dan memadai sa-takat mengakui wilayah Muhammad dan Ali, dengan pengakuan itu mereka tidak perlu sembahyang dan tidak perlu mengeluarkan zakat lagi saperti yang di-suroh oleh Ugama Islam.

Ajaran2 saperti ini ada-lah mengelirukan orang ramai, dan sa-benar-nya ada-lah menyesatkan ia menuju ka-arah kebebasan dan kesenangan, tidak payah menunaikan sembahyang, tidak payah mengeluarkan zakat, ia-itu kewajipan2 fardhu yang di-suroh oleh Ugama kita.

Pengikut2 mereka selalu-nya di-kehendaki membayar bayaran2 yang tertentu, sa-sudah bayaran di-buat, maka wakil ajaran2 itu akan mengadap Imam mereka dan menyatakan bahawa polan bin polan telah mengetahui sembahyang dan makna-nya, maka di-harap supaya di-lepaskan ia daripada kewajipan yang berat itu dan ini-lah dia tebusan-nya.

Kemudian Imam-nya menmenjawab "Saksikan-lah sa-sunggoh-nya aku telah melepaskan dia daripada kewajipan sembahyang."

Sa-telah selesai perengkat pertama itu, maka menyusol-lah lagi perengkat2 lain yang mengandongi berbagai2 ajaran yang menyesatkan, tetapi nampak-nya menarik, kerana dia menuju kapada bebas dan senang daripada kewajipan fardhu, termasok-lah ajaran2 saperti berikut —

a) Benda yang di-buat daripada anggor, kismis, nira dan lain2 itu (yang memabokkan saperti arak) semua-nya tidak haram kerana semua-nya itu ada-lah tumboh2an di-bumi,

b) Pengikut2 ajaran itu tidak di-kehendaki berpuasa, saperti yang di-suroh oleh Ugama Islam, kerana maksud puasa menurut tafsiran mereka ia-lah menyembunyikan rahsia Imam mereka kerana mereka menafsirkan perkataan 'saum' yakni puasa itu ia-lah menyembunyikan sa-suatu. Dan sa-benar-nya banyak lagi ajaran2 yang di-kemukakan oleh Sheikh Mohammad bin Malek sa-orang ulama Yaman mengenai dengan ajaran2 yang menggugat keperchayaan, akidah dan iman orang2 Islam.

Dalam keadaan Ugama Islam sekarang ini, di-mana Umat Islam sedang bangkit untok terus menegakkan ajaran-ajaran Allah di-muka bumi ini, dan menyibarkan Shi'ar Islam berpandukan Al-Kor'an dan Hadith, maka sudah tentu-lah banyak tentangan2 dan ugutan2 serta anasir2 yang berusaha untok merosakkan Umat Islam, dan salah satu daripada chara-nya ia-lah menimbulkan kekeliruan2 Umat Islam sendiri terhadap keimanan mereka, kerana jika sa-kira-nya iman orang Islam telah berjaya di-selewengkan, maka kekuatan Umat Islam itu tidak-lah saberapa, dengan demikian gerakan musoh2 Islam untok meruntohkan Ugama Islam, dan memechah belahkan perpaduan Ugama Islam akan berjaya.

Kita di-Brunei alhamdulillah, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan mempunyai Jabatan Hal Ehwal Ugama yang di-antara lain bertujuan untok memelihara akan kesuchian Ugama Islam dan mengembangkan Ugama Islam di-negeri ini menurut ajaran2 yang betul berpandukan Al-Kor'an dan Hadith menurut akidah Ahli Sunnah Wal Jema'ah.

Oleh itu bersempena dengan kedatangan Tahun baru Islam 1401 Hijrah ini, saya ingin-lah berseru kapada seluroh Umat Islam di-negeri ini supaya sentiasa berwaspada dan sentiasa mengukohkan keperchayaan, akidah dan keimanan kita kapada Allah, kerana itu jika di-dapati ada pehak2 yang ingin menyesatkan Umat Islam di-negeri ini, dengan membawa ajaran2 yang salah yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jema'ah, maka perkara tersebut hendak-lah di-laporkan dengan sa-chepat mungkin kapada Jabatan Hal Ehwal Ugama atau kapada pehak pulis atau kapada pehak2 yang bertanggong-jawab saperti Ketua Kampong, Penghulu, pegawai2 masjid supaya kerukunan hidup Umat Islam di-negeri ini akan dapat di-pelihara dengan sebaik2-nya.

Dan saya ingin-lah berseru supaya Umat Islam dapat menjauhkan diri daripada ajaran2 yang menyeleweng daripada ajaran2 Islam yang sa-benar-nya, maka pelihara-lah diri kita dan pelihara-lah keluarga masing2 daripada api Neraka sa-bagaimana firman Allah —

Yang bermaksud — *"Hai orang2 yang beriman lindongi-lah diri kamu dan keluarga kamu daripada api Neraka."*

*WABILLAHIT TAUFIK WAL HIDAYAH.*

## Lawatan ka-rumah2 sakit

BANDAR SERI BEGAWAN. — Salah satu achara bersempena Sambutan Awal Tahun Hijrah 1401 ia-lah lawatan Ahli2 Dewan Perniagaan Melayu ka-rumah2 sakit di-negeri ini.

Dalam lawatan2 tersebut Ahli2 Jawatankuasa Dewan itu akan menyampaikan hadiah2 kapada pesakit2 yang sedang berada di-rumah2 sakit berkenaan.

Ahli2 Dewan Perniagaan tersebut akan mengadakan lawatan ka-Rumah Sakit di-Bandar Seri Begawan pada 19hb Nobember; Rumah Sakit Suri Seri Begawan, Kuala Belait pada 21hb Nobember; dan pada 24hb Nobember di-Rumah Sakit Pekan Tutong. Mereka akan melawat Rumah Sakit Pekan Bangar, Temburong pada 26hb Nobember.

Lawatan2 saperti ini ada-lah yang pertama di-buat oleh Dewan Perniagaan Melayu dan Jawatankuasa Tertinggi Sambutan menganggap langkah Dewan itu kena pada masa-nya bagi memboktikan bahawa umat Islam di-negeri ini ada-lah mengambil berat akan nasib pesakit2 yang sedang terlantar di-rumah2 sakit.

Langkah tersebut ada-lah juga di-anggap sa-bagai suatu pembaharuan yang sangat bererti bagi achara-achara sambutan keugamaan di-negeri ini dan boleh membuka fikiran lain2 pertubohan2 di-negeri ini khas-nya yang di-anggotai oleh orang2 Islam bagi membuat langkah-langkah yang selaras dengan ajaran2 Ugama.

# YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.......



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo. Mufti

# HARTA

## Siri ke-53

**SISTEM SEKARANG**

MENURUT kitab "Al-Mu'amalat al-Masrafiyah wahukmuha fil Islam" karangan Dr Nuruddin Al-Etri, mahaguru Unibersiti Islam di-Madinah, dan di-siarkan oleh ketua agong unibersiti tersebut ia-itu Al-Allamah As-Shekh Abdul Aziz bin Abdullah bin Baz — kata-nya : "Sistem yang ada pada orang2 bukan Islam sekarang (sistem kewangan) ada dua macham :

**Pertama,** sistem menurut ekonomi komunis yang memandang hak masharakat atau maslahat ramai dengan tidak memandang maslahat perseorangan dan meletakkan hak perseorangan di-bawah maslahat ramai. Mereka menyatakan perbalahan akan berlaku di-antara golongan (klas2 dalam masharakat2), maka golongan (klas) pekerja akan menang supaya raayat dapat memileki segala puncha2 pengeluaran.

**Kedua,** sistem menurut ekonomi kapitalism yang mengatakan orang perseorangan berhajat kapada orang ramai dan orang ramai berhajat kapada orang perseorangan. Dari itu wajib orang perseorangan itu di-beri kebebasan ekonomi sa-hingga ia dapat menjalankan usaha2 dan ranchangan2.

Kedua2 sistem ini, menurut Dr. Nuruddin, ada-lah salah kerana mereka menyangka orang perseorangan atau orang ramai itu mempunyai hak milek mutlak. Fikiran sedemikian ada-lah jahilkan hakikat manusia dan kufurkan Allah. Sa-benar-nya milek mutlak itu hanya bagi Allah Ta'ala semata2, firman-nya :

لله ملك السموات والارض وما فيهن

Tujuan-nya : *"Allah memileki kepunyaan langit dan bumi serta apa2 jua isi di-dalam-nya."*

Jadi peratoran kewangan juga wajib mengikut peratoran Allah. Dasar bahawa harta itu kepunyaan Allah banyak tersebut dalam Al-Kor'an dan hadith. Dan ini membatalkan orang2 yang mengatakan bahawa mereka mengawal ugama, tiada menentang-nya; kerana ekonomi kita ia-lah semata2 ekonomi yang tiada sangkut paut dengan ugama. Kata2 begitu sa-jahat2 tipu daya, banyak orang yang berugama terperangkap kadalam jerat-nya.

**SISTEM ISLAM**

Seterus-nya, Dr. Nuruddin menyebutkan bahawa dasar Islam ada empat:

**Pertama :** Bahawa milek hakiki (yang sa-benar2-nya) ia-lah bagi Allah. Firman-Nya :

لله ملك السموات والارض والله على كل شيء قدير

Tujuan: *"Allah memileki kepunyaan langit dan bumi dan Allah berkuasa ka-atas segala sasuatu".*

Dan bahawa ibadat serta ta'at semata2 kapada Allah, Firman-Nya:

اياك نعبد واياك نستعين

Tujuan-nya : *"Kapada-Mu (Allah) kami menyembah dan kapada-Mu juga kami memohon pertolongan".*

**Kedua :** Bahawa milek orang perseorangan itu ia-lah suatu amanah Allah kapada-nya di-atas harta yang ada di-tangan-nya. Hanya Allah memberi-nya kemudahan bagi harta sampai kapada-nya memileki-nya. Dan dia chuma jadi wakil yang mesti ta'atkan Allah, firman-Nya :

وانفقوا مما جعلكم مستخلفين فيه

Tujuan-nya : *"Dan hendak-lah kamu nafkahkan yakni belanjakan sa-bahagian harta yang kamu chuma di-wakilkan oleh Allah memileki-nya."*

**Ketiga :** Berbagai2 chara menchari harta supaya orang perseorangan mendapat sa-penoh2 peluang dan luas sumber kehidupan ramai, dan duit bergerak (beredar) dengan bebas. Sesunggoh-nya inilah asas kemakmoran sesuatu umat dan juga jalan menyelesaikan perkara kesusahan2 ekonomi pada sa-suatu umat itu.

Kemudian beliau menyebutkan ada sebab mendapatkan milek. Pertama, sebab2 yang tiada ada champoran usaha orang saperti pemberian (hibah), sedekah dan pesaka. Kedua, sebab2 yang di-dapatkan dengan jalan rajin orang perseorangan dan usaha-nya saperti berniaga, bertani, meneroka tanah, sewa menyewa dan sebagai-nya lagi. Ini-lah tempat orang berlumba2 dan juga menjadi medan pertikaian di-antara manusia. Oleh itu shara' telah meletakkan 'qaid' dengan beberapa sharat, dan telah di-dapati bahawa shara' telah mensharatkan bahawa sah sa-suatu pencharian itu dengan dua sharat :—

**(1) Hendak-lah untong atau laba itu di-dapati dari kerja saperti upah buroh dan tukang dan sa-bagainya.**

**(2) Bahawa untong mesti-lah ada pada-nya rugi, yakni menchari laba itu mesti-lah juga menanggong rugi kira-nya berlaku, saperti dalam jual beli dan dalam berbagai2 jenis perkongsian.**

**Maka tiap2 chara menchari harta dengan tiada ada dua sharat itu ada-lah haram. Dari itu shara' mengharamkan churi, rampas, judi dan mengharamkan segala rupa riba' sekali pun sedikit. Firman Allah:**

وذروا ما بقي من الربا ان كنتم مؤمنين

Tujuan-nya : *"Dan hendak-lah kamu tinggalkan apa jua saki baki riba' sakira-nya kamu benar2 beriman."*

**Dasar Ke-empat :** Mesti-lah ada unsur akhlak dalam kegiatan ekonomi, yakni dalam melakukan usaha2 pencharian hendak-lah sa-laras-nya dengan dasar persaudaraan Islam serta rasa muhibbah timbang menimbang. Jadi-nya harta dalam Islam itu mengkhidmatkan manusia dan perangai2 yang mulia. Dari itu Islam mengharamkan segala jalan yang menghalang persaudaraan itu atau yang terkeluar dari kaedah ilmu akhlak, saperti :

(1) Churang — saperti di-sebutkan dalam hadith Nabi riwayat Muslim :

من غشنا فليس منا

Erti-nya : *"Siapa yang menchurangi maka bukan-lah dia dari golongan kita."*

(2) Monopoli — saperti di-sebutkan dalam hadith riwayat Muslim juga :

لا يحتكر الا خاطئ

Erti-nya : *"Tiada-lah memonopoli melainkan orang yang bersalah."*

(3) Jualan yang tiada terang (majhul) harga-nya atau barang-nya atau tempoh-nya, kerana yang sedemikian itu akan jadi gadoh di-antara dua pehak. Dari itu di-haramkan jualan 'muhadharah' ya'ani menjual tanaman yang maseh di-pokok belum tua buah atau biji-nya, dan jualan 'munabazah' ia-itu champak menchampak wang dan barang; dan di-haramkan bagi jualan 'mulamasah' ia-itu sentoh menyentoh barang dan harga; dan lain2 lagi jualan yang majhul saperti jual ikan yang (maseh) dalam kolam, burong yang (sedang) terbang (yang belum di-tangkap) dan sa-bagainya lagi yang membawa perbalahan.

**Dasar Kelima :** Harta2 *'fai'* (harta orang kafir yang di-dapati dengan tiada berperang saperti pesaka tiada berwarith); harta jiziah (upti) dan *'ushur* dan seumpama-nya — di-bahagikan menurut kadar yang di-tetapkan. Harta *fai'* itu mithal-nya hendak-lah di-bahagi *1/5* dari-pada-nya kapada asnaf yang tersebut dalam ayat mengenai-nya ia-itu kapada maslahat orang Islam, kapada kerabat Rasulullah, kapada anak2 yatim, orang2 miskin, dan kapada ibnus sabil; supaya harta kekayaan itu sampai ka-tangan orang2 itu dan tiada tinggal di-tangan orang2 kaya dengan tiada sampai ka-tangan orang2 yang berhajat itu. Salebeh-nya ia-itu 4/5 dari-pada-nya ia-lah bahagian askar yang mengawal negeri. Yakni : menurut ayat, *fai'* di-bahagi2kan kapada bahagian2 yang tersebut dengan tujuan supaya harta itu beredar (berpusing) di-antara umat Islam seluroh-nya, tiada tersimpan di-tangan orang2 kaya *sahaja* sabagaimana di-zaman jahiliah.

Perkara berpusing harta di-seluroh umat itu telah terbayang kapada ahli2 ekonomi sekarang dan supaya menjauhkan bimbang, menjauhkan kepapaan di-kalangan sa-suatu umat. Islam telah menjalankan dasar memusingkan harta kapada seluroh umat dengan chara damai, dengan tiada menchabul hak2 orang perseorangan dan sa-tengah dari dasar itu ia-lah mewajibkan atoran zakat dan atoran pesaka dan wasiat. Dua atoran yang akhir ini bertujuan membahagikan kekayaan kapada segala lapisan umat Islam dengan chara damai dan chara persaudaraan dan dengan tiada menchabul hak2 perseorangan dan hak2 masharakat ramai.

*WALLAHU A'ALAM.*



...engan ahli2 jawatankuasa penyelaras.



# ...S KEPIMPINAN BELIA



YANG Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof menyampaikan sijil kapada salah sa-orang peserta kursus sementara gambar atas kelihatan Yang Amat Mulia itu bersalaman dengan peserta2 kursus sa-belum Majlis Penutop bersurai.



Pengiran Mohammad bin Pg Ludin bersalaman sa-lepas Majlis Ramah-mesra dengan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz di-Rumah Jerambak (kiri).

Ketua Pegawai Penerangan, Awang Haji Badaruddin sedang memberikan cheramah mengenai Asas Kepimpinan Belia (bawah).







AWANG Haji Mohammad Yusof bin Abu Bakar memperdengarkan bachaan ayat2 suchi Al-Koran sa-bagai memulakan achara dalam Majlis Penutop (gambar atas).

Salah sa-orang peserta kursus, Dk Mariam bte Pengiran Mat Noor mengemukakan soalan sa-masa Majlis Cheramah (kiri) sementara gambar di-sebelah kanan kelihatan sa-bahagian dari peserta yang menghadhiri kursus sa-lama sa-minggu itu.





KELIHATAN peserta kursus sedang menyaksikan pertunjokan menembak di-padang tembak battalion.

**BELIA DAN SOKAN**

## Kejohanan b-keranjang Disember depan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-banyak lapan buah pasokan dari kaempat2 daerah di-negeri ini di-jangka menyertai Kejohanan Bola Keranjang yang akan di-adakan di-Pusat Belia di-sini pada bulan Disember depan.

Perlawanan yang terbuka kapada semua pasokan bola keranjang seluroh negeri itu ada-lah di-anjorkan oleh Persatuan Bola Keranjang Bandar Seri Begawan sa-bagai satu projek tahunan-nya.

Kejohanan itu nanti akan terbahagi kapada bahagian lelaki dan perempuan dan di-jangka berjalan sa-lama empat hari bermula dari 18hb. Disember 1980.

Sejak kejohanan itu di-anjorkan kira2 dua tahun lalu pasokan2 dari Bandar Seri Begawan ada-lah merupakan pasokan yang menguasai kemenangan.

# 46 BELIA/BELIAWANIS LAWAT BATTALION KEDUA

TUTONG. — Satu rombongan yang mengandongi 46 orang belia dan beliawanis yang menyertai Kursus Asas Kepimpinan Belia telah membuat lawatan ka-Battalion Kedua Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, pada hari Rabu, 5hb. Nobember lepas.

Sa-tiba mereka di-Markas Pasokan, mereka telah di-beri penerangan mengenai rengkasan sejarah Battalion Kedua dan susunan pentadbiran-nya oleh Timbalan Pegawai Pemerentah Battalion Kedua, Pehin Major Ishak bin Abd. Hamid. Di-samping itu, mereka juga menerima penerangan rengkas dan penerangan sachara bergambar mengenai kerjaya tentera daripada Kaptan Rosli.

Dalam lawatan yang sengkat itu, mereka telah di-bawa ka-Belakang Markas dan Padang Tembak bagi menyaksikan Pameran dan Pertunjokan alat2 kelengkapan tentera, dan pertunjokan menembak di-Padang Tembak. Sa-lain dari itu, mereka juga dapat menyaksikan jenis2 peluru yang di-gunakan oleh pasokan tersebut.

Di-samping itu, peserta2 kursus juga di-bawa ka-Pasokan Peninjau Kereta Kebal (ARS) di-mana mereka telah di-beri penerangan oleh Ketua Squadron Pasokan Peninjau.

Lawatan yang di-adakan pada hari itu ada-lah merupakan salah satu achara dan kegiatan dalam Kursus Asas Kepimpinan Belia, anjoran Majlis Belia2 Negeri Brunei dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan.



PESERTA kursus di-beri peluang menyaksikan kereta kebal Pasokan Peninjau di-mana mereka juga di-beri penerangan mengenai-nya.

## Perwakilan pengakap

BANDAR SERI BEGAWAN — Persatuan Pengakap Brunei minggu lalu telah menghantar dua orang perwakilan-nya ka-Australia untok menghadhiri satu kursus dan persidangan yang di-adakan sa-lama dua minggu di-sana.

Pegawai2 tersebut, Awg. Mohammad Taib bin Haji Othman dan Awang Zainal Abidin bin Haji Ibrahim sedang mengikuti kursus dan persidangan tersebut di-Malbourne.

Mereka baharu sahaja menamatkan kursus Pelateh Pengakap dan sekarang kedua2-ñya dipercayai sedang mewakili negeri ini dalam Sidang Pengakap Negara2 Pasifik dan Asia.



KELIHATAN Awang Zainal Abidin bin Haji Ibrahim sedang menerima Bendera Negeri Brunei yang di-sampaikan oleh Awang Mahmud Shahrani bin Othman, Pesurohjaya Latehan Pengakap Negeri Brunei.

## Perlawanan akhir tinju pasokan Pulis

GADONG. — Pertandingan akhir tinju antara yunit2 pasokan pulis telah berlangsong di-Stadium Hassanal Bolkiah di-sini minggu lalu.

Perlawanan yang terbahagi kapada lapan bahagian itu telah di-sertai oleh sa-ramai dua puloh enam anggota pasokan tersebut.

Johan bahagian light weight dalam perlawanan itu telah di-menangi oleh PC Tassim.

Dalam bahagian light welterweight ia-nya telah di-menangi oleh PC Awg. Damit manakala Kopral Salleh telah memenangi perlawanan tersebut dalam bahagian light middle weight.

Lima orang peserta yang menyertai dalam bahagian lain telah memenangi perlawanan mereka dengan pukolan knock out.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Penguasa Pulis Dato Alias Sheikh Ahmad.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Sa-bagai Penghantar Saman

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Penghantar Saman di-Pejabat Setia Usaha Kerajaan (Bahagian Sukatan dan Timbangan), Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Chalon2 mesti-lah lulus Sijil Rendah Pelajaran dan berumor di-antara 18 hingga 25 tahun. Chalon2 yang tidak mempunyai kelulusan di-atas, tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan sa-lama tidak kurang dari satu tahun dan pernah mengendalikan kerja2 yang berkaitan dengan-nya boleh-lah juga di-pertimbangkan.

**Tugas2 :**

Chalon yang berjaya mesti-lah berkesanggupan berkhidmat di-mana2 saja jika di-kehendaki dan termasok di-luar masa berkerja (jika perlu).

**Tangga Gaji :**

F.1-2-3-4-5 EB.6—$350-360-370-380-390-400-410-420-430-440-450-460-470-490-500-510-520-530-540-560/EB/570-580-590-600-610-620.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 29hb Nobember, 1980.

(E/163/78)

(Bil : 149/1980)

## Sa-bagai Wireman Tingkatan II

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Wireman Tingkatan II di-Jabatan Laut, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor tidak kurang dari 20 tahun dan mempunyai sekurang2-nya tiga tahun pengalaman praktikal sa-bagai electrical wireman.
b) Pemohon2 mesti-lah pandai membacha electrical circuit dan rajah2 wiring
c) Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengetahuan baik tentang alat2 kelengkapan yang di-gunakan dan chara2 wiring electrical circuit.
d) Pemohon2 mesti-lah tahu tentang pemeliharaan dan overhaul 'am bahagian2 electrical starter motors, batteri2, generator2 kechil, peralatan lighting dan electrical motors.

**Tangga Gaji :**

F. 3-4 EB. 5—$430-440-450-460-470-490-500-510-520/EB/630-540-560.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 4hb Disember, 1980.

(E/550/77)

(Bil : 154/1980)

## SALE BY TENDER OF UNSERVICEABLE STORES

LOT 65

1. Please submit your tender for items of unserviceable stores shown below.
2. Tenders are to be submitted to the Commander RBMR and placed in the Guard Room Tender Box Berakas Camp by 1000 hrs Friday 14th November 180.
3. Tenders received after this time will be rejected.
4. Tenders must be placed in a plain sealed envelope and there must be no indication on the cover of the name of the tenderer.
5. All envelopes must be endorsed Lot 64 RBMR.
6. Goods can be inspected at the Return Stores Sub-Depot Bolkiah Camp until 1600 hrs Thursday 13th November 1980.
7. All goods are offered "As Lying" and must be removed by successful tenderer within 14 days of notification.

| Ser No | Items | Qty. |
|---|---|---|
| 1. | Mattress Single R/F | 266 |
| 2. | Mattress Double R/F | 25 |
| 3. | Pillows R/F | 354 |
| 4. | Cushion Seat | 18 |
| 5. | Air Conditioner | 47 |
| 6. | Water Heater Small, Medium and Large | 35 |
| 7. | Ceiling fan, wall fan, table and and stand fan | 249 |
| 8. | 3 Ring and 4 Ring Electric Cooker | 49 |
| 9. | 2 Ring Electric Cooker and Oven | 113 |
| 10. | GEC Cooker unit | 2 |
| 11. | Suit Case | 41 |
| 12. | Chair plastic, upright, clerical, executive and typist | 56 |
| 13. | Single Pedestal Desk 48" top | 1 |
| 14. | Filing Cabinet 4 drawers | 1 |
| 15. | Wrist Watch water proof | 30 |
| 16. | Bedstead Iron folding | 94 |
| 17. | Bunk Bed Steel two tier | 21 |
| 18. | Camera Konica A.F. | 1 |
| 19. | Bicycle | 1 |
| 20. | Table and Stand lamp | 27 |
| 21. | Kwali Cooker | 48 |
| 22. | Hoover electrolux and Hoover Shampoo polisher | 9 |
| 23. | Water Cooker | 3 |
| 24. | Gas Cooker | 5 |
| 25. | Grass Cutter machine and Beaver machine | 8 |
| 26. | Planer Electric | 1 |
| 27. | Circular Saw | 1 |
| 28. | Scotsman Machine | 1 |
| 29. | Toaster and etc | 2 |

## Kenyataan Pegawai Penguasa Warith

### No. 128/1980

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Changat Anak Malong, Pejabat Kelinik Haiwan, kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Malaung Anak Manu @ Malong yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak lelaki kapada si-mati.

### No. 129/1980

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Ahmed bin Haji Metassan, Pejabat Tanah, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Abd. Latif bin Tengah yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Mekah dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah chuchu kapada si-mati.

### No. 130/1980

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Abd. Rahman bin Mohd. Yassin, Pejabat Perubatan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Mohd. Yassin bin Daud yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak lelaki kapada si-mati.

### No. 131/1980

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Haji Azahari bin Hj. Md. Daud, 101, Kg. Tasek Meradun, Mile 5½, Jalan Tutong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Khairul Arifin bin Azahari yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah bapa kapada si-mati.

### No. 133/1980

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Juna bin Sabtu No. 5, Barek Letrik, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Sabtu bin Gapor yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak lelaki kapada si-mati.

### No. 134/1980

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Haji Talip bin Karim, d/a. Tuah bin Chupak, Pejabat Buroh, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Awg. Buntar bin Karim yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah abang kapada si-mati.

### No. 135/1080

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Niamah bte Abd Rahman H 18/49 B, Lorong 4½ Seria Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Sapar bin Tarip yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada si-mati.

### No. 136/1980

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Ramlah bte Awg. Besar, No. 31, Kampong Kiulap, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Awang Besar bin Awang Tengah yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak perempuan kapada si-mati.

### No. 137/1980

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Lim chin Hwa, P.O. Box. 181, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Lim Chin Hian yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah Ayah kapada si-mati.

### No. 138/1980

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Sinyor bte Besar, Maktab Perguruan Ugama, Jalan Gadong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Besar bin Nia yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak perempuan kapada si-mati.

### No. 139/1980

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Lim Poon Yek, Lim Pun Tse, Lim Pun Hoo, P.O. Box. 67, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Lim Chai Hing yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak lelaki kapada si-mati.

### No. 140/1980

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Ang Kam Tong, Messrs. Ibrahim, Chee & Co, 144 (2nd. Floor), Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyia oleh Ang Swee Hua yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah bapa kapada si-mati.

### No. 141/1980

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Haji Salim bin Tarsad @ Md. Arshad, No. 15A, Kg. Salambigar, Jalan Muara, Brunei. Kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Hajjah Maimon bte Sarbon yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah suami kapada si-mati.

### No. B/LA/127/1980

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Janggi bte Yusof, No. 19, Kampong Panchor Murai, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Awg. Tahir bin Haji Tuah yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan2 di-beri bahawa permohonan2 di-atas akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 15 haribulan Nobember, 1980, pada jam 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 25 haribulan Oktober, 1980.

## TENDER NOTICE

TENDERS are invited for the supply and installation of two number Dental Chairs to Additional Surgery, M.R.S. Tutong Camp, for the Government of Brunei.

Tenders will be received by the Chairman of Tenders Board at the office of State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei up to 12.00 noon on Tuesday, 2nd December, 1980.

1. Tenderers must be bona fide agents for the selected equipment and must prove same at time of tendering.
2. Tender Documents can be examined at and obtained from the office of the Architects :

   BOOTY EDWARDS DAN RAKAN2 AKITEK
   146 Jalan Chevalier
   Bandar Seri Begawan
   Brunei

   from Monday 10th November 1980 onwards during normal office hours.
3. The tender deposit required is $500.00 which is in the form of a cheque, shall be made payable to the Architects. This deposit is refundable to each tenderer upon the receipt of a bona fide tender and the return of all tender documents in good condition.
4. Tenders shall be submitted on the Form of Tender and enclosed in envelopes provided and properly sealed. There must be no indication of the names and address of the tenderer on the envelope.
5. Tenders received after the above stipulated closing time will be rejected.
6. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## B.S.P. TENDER NOTICE NO. 22 80

Item 1 — One lot of Drilling Items.
- (A) 227 Pcs. 5" x 6" Control Line Protectors.
- (B) 26 Pcs. 20" Wooden Top Plug
- (C) 2 Pcs. 20" Rubber Top Plug
- (D) 5 Pcs. 20" SSR Plug
- (E) 13 Pcs. 20" Cement Baffle Collar.
- (F) 6 Pcs. 4½" x 72" Tubing Nipple.

Item 2 — One lot Rejected Project Materials.
- (A 64 Pcs. Pipe Painted/Corsit 3" Sch. 80 x 20'
- (B) 6 Pcs. Pipe Painted/Codsit 3" Sch. 80 x 40'

Item 3 — One lot approx. + 404 Pcs. PVC Rejected Fencing with Flaps.

Item 4 — One lot Rejected Materials.
- (A) 1 Pce. Beam 12" x 12" x 44 lb.
- (B) 1 Pce. Beam HE240.
- (C) 1 Pce. Beam HE1000B 40 x 230 lb.
- (D) 3 Pcs. 20" Vetco L Pin.

Item 5 — (A) 37 Pcs. Heavy Duty Used Batteries in various sizes.
- (B) 1 Pce 96" Mast Assy. for Hyster P150A Forklift Truck.

Item 6 — (A) 1 Pce. Base Section for Lima 500T Crane Boom.
- (B) 1 Pce. 40' Extension for Lima 500T Crane Boom.

**Note :** Item 1-3 can be viewed at NIA Yard and Warehouse.
Item 4 can be viewed at SSU/211, Kuala Belait Supplies Yard.
Item 5 and 6 can be viewed at SSU/23, Transport Yard NIA.

### TERMS OF TENDERING

1. Tenders shall be deemed to be irrevocable and open for acceptance by the Company for a period of 14 days from the closing date.
2. All tenderers should enclose a copy of their Bankers letter stating that the amount he is bidding could be paid within 10 days after the receipt of the COMPANY's written notice.
3. The items to be sold are sold on an 'as is' 'where is' basis and the successful tenderer must : —
   a) pay to the COMPANY the total sum tendered for within 10 calendar days after receipt of the COMPANY's written notice.
   b) remove the materials entirely at his own expense within 4 working days otherwise the COMPANY will treat this tender null and void, and or charge rent at the rate B$500.00 per day.
4. The COMPANY further reserves the right : —
   a) To refuse to accept any or all tenders submitted, and
   b) To withdraw any or all the items before acceptance of any tenderer's offer.
5. The COMPANY accepts no liability whatsoever for the sale of the above materials/equipment, which is sold subject to faults and defects, if any, and without any condition or warranty as to the quality and fitness for purpose required or otherwise. A letter of indemnity signed by the purchaser will be required by the COMPANY before release of goods.
6. In most cases the items to be sold may be viewed on any working day on application to : —

   Brunei Shell Petroleum Company Limited,
   Supplies Department
   Local Market Development and Disposal Section,
   SERIA.
   (SSU-15, Tel. No. NIA 536 or 403)
7. The closing date for receipt of Tenders shall be 8.00 a.m. on 1st December 1980. Tenders should be addressed in sealed envelopes to : —

   Supplies Superintendent,
   B.S.P. Co. Ltd.,
   SERIA.
   "Endorsed : Tender No. 22/80"
8. The submission of a tender shall be deemed to constitute acceptance by the Tenderers of all the terms of tendering set out herein.

# MASJID TEMPAT BERJEMAAH DAN BERMASHUARAT BAGI PERKARA2 KEBAJIKAN

SUNGAI LIANG.—Langkah Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada membena bangunan2 masjid yang baru yang kebanyakkan-nya bagi menggantikan bangunan yang lama ada-lah menunjokkan perhatian yang berat kerajaan Baginda pada meningkatkan lagi kemudahan2 beribadat di-seluroh negeri.

"Kerajaan Baginda juga menyedari dengan penoh penghormatan betapa masjid telah menjadi tumpuan berjemaah ia-itu dalam makna berhimpun serta bermufakat bagi maksud2 yang di-redhai Allah."

Demikian sabda Menteri Besar Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pg. Abdul Momin bin Pg. Haji Ismail sa-jurus sabelum membuka rasmi masjid baru Sungai Liang yang telah berlangsong pada hari Sabtu lalu.

Penggunaan masjid dengan chara yang betul saperti yang di-hasratkan memberi kesan yang baik pada mengukohkan sikap sedarhana dalam berugama serta memupok persefahaman yang mana kesan-nya telah dapat mengujudkan suasana aman bagi sa-genap raayat dan pendudok negeri ini, sabda Yang Amat Berhormat Menteri Besar lagi.

"Hal ini sangat-lah penting kita kekalkan sa-lagi kita ikhlas pada mempergunakan kemudahan2 berjemaah saperti itu, Insha-Allah kita akan di-rahmati Allah dengan kehidupan yang sejahtera lagi bermaruah di-dunia dan di-akhirat yang mana itu ada-lah di-tuntut oleh Allah bagi kita mengikhtiarkan-nya," jelas Yang Amat Berhormat.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar akhir-nya menyeru pendudok2 di-Mukim Sungai Liang supaya akan menggunakan masjid baru itu untok meneruskan sikap dan fahaman hidup berugama saperti yang di-chitakan.

## Majlis Penyampaian Sijil

Dari muka 1

shak lagi akan menjadikan Negeri Brunei Darussalam bertambah2 gemilang sabagai sa-buah negeri bersultan dan kuat amalan ugama-nya", sabda Yang Teramat Mulia.

Juga beruchap di-majlis pada hari itu ia-lah Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei, Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Serudin.

Antara yang hadhir termasok-lah Penasehat Umom Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa; Y.B. Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awg Haji Abdul Aziz; Speaker Dewan Majlis, YAM Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar; YAM Pengiran Laila Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz dan lain2 pembesar negeri.

Selesai upachara penyampaian sijil YTM Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara telah di-junjong berangkat untok menyaksikan pameran gambar2 dan bahan2 Sambutan Tahun Hijrah 1400 bertempat di-Dewan Gerak Badan maktab tersebut.

## "Switchgear" jenis baru di-lancharkan

LAMUNIN.—Jabatan Letrik Brunei telah menchatet satu lagi kemajuan dalam sejarah perkhidmatan-nya apabila ia telah berjaya melancharkan Switchgear jenis baru di-sebuah steshen terpenting di-Lamunin di-sini pada hari Rabu minggu lalu.

Switchgear yang di-maksudkan ia-lah jenis 66,000 volt — SF6 yang di-datangkan khas dari Jepun di-mana pemasangan-nya telah di-kendalikan dengan kerjasama oleh dua orang pakar dari negeri tersebut.

Pelancharan bagi Switchgear itu telah di-rasmikan oleh Ketua Jurutera Letrik Brunei, Malai Ali bin Malai Haji Othman dan di-saksikan oleh beberapa orang pegawai dari jabatan yang berkenaan.

Di-tanya mengenai Switchgear yang baru di-lancarkan pada hari itu, Pejabat Letrik menyatakan perbezaan-nya dengan switchgear jenis lama yang menggunakan minyak, jenis 66,000 volt — SF6 ada-lah menggunakan gas Sulphur Hexaflouride.

Lain2 keistimewaan ka-atas yang baru itu ia-lah jangka pemakaian-nya lebeh lama daripada jenis lama, sementara jangka pengendalian-nya pula lebeh pendek. Jenis baru itu juga dapat menjauhi bahaya api.

Memandang kapada keistimewaan yang terdapat pada jenis tersebut, Jabatan Letrik memikirkan ada-lah amat wajar untok segara memasang jenis itu di-steshen Lamunin untok membantu dan sa-bagai satu persediaan bagi mengambil aleh fungsi sepenohnya jika terjadi sa-barang kegagalan ka-atas switchgear yang sudah sedia terpasang yang telah di-gunakan kira2 15 tahun yang lalu.

Dengan terpasang-nya switchgear tersebut sabarang masaalah yang serious terhadap pemberian kuasa kapada kawasan berkenaan dan pengapam ayer Layong ia-itu satu2-nya pembekal utama ayer kapada sa-bahagian besar pendudok negeri ini serba sedikit dapat di-kurangkan.



KETUA Jurutera Letrik, Malai Ali bin Malai Haji Othman memotong pita sa-bagai menandakan perasmian pelancharan Switchgear sambil di-perhatikan oleh pegawai2 jabatan tersebut.



YANG Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pg Abdul Momin melafadzkan sabda sa-jurus sa-belum merasmikan Masjid Kampong Sungai Liang (gambar atas).

## Jangan terpengaroh dengan ajaran2 sesat

SUNGAI LIANG.—Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Serudin telah menyeru umat Islam di-negeri ini supaya terus menerus meningkat dan mempertahankan keperchayaan, akidah dan keimanan mereka dari anasir2 gerakan salah yang chuba menyelewengkan ketegohan umat Islam negeri ini.

Dalam uchapan alu2an-nya di-majlis Perasmian Masjid Sungai Liang sempena kedatangan Tahun Hijrah 1401 pada hari Sabtu lalu, Yang Berhormat Pehin menjelaskan bahawa pada masa sekarang ini terdapat gerakan yang chuba menyelewengkan keperchayaan, akidah dan keimanan umat Islam yang termasok umat Islam di-Brunei, yang mana gerakan tersebut di-lakukan oleh berbagai pehak yang mengaku diri mereka Islam.

Salah satu chontoh ajaran yang menyesatkan itu, Yang Berhormat Pehin telah menerangkan-nya dengan memetek chontoh2 dari kitab 'Kashful Asraril Batiniah' karangan Sheikh Muhammad bin Malek.

"Jadi-nya sa-belum perkara2 saperti ini sampai ka-negeri kita, maka saya berharap-lah supaya umat Islam di-negeri ini akan sentiasa beringatingat dan seluroh umat Islam hendak-lah berwaspada. Jika di-dapati ada orang yang di-shakki membawa ajaran2 salah yang bertentangan dengan keperchayaan, akidah dan keimanan kita yang berpegang kapada ajaran2 Ahli Sunnah Wal-Jemaah hendak-lah tuan2 dan puan2 bersegera melaporkan kapada Jabatan Hal Ehwal Ugama atau kapada pehak Pulis atau kapada Ketua Kampong atau kapada Penghulu atau kapada Imam," jelas Yang Berhormat Pehin.

Untok menahan dari di-pengarohi oleh ajaran sesat itu, tambah Yang Berhormat Pehin, semangat keIslaman atau roh Islam itu mesti-lah sentiasa di-semarakan di-jiwa umat Islam di-negeri ini. Kerana dengan itu ia bukan saja ia akan dapat menjadi senjata kebal tapi juga berdaya menahan gerakan itu dengan berkesan.

"Alhamdulillah, umat Islam di-Brunei ada-lah satu umat yang sentiasa mewarithi purih semangat keIslaman yang tulin, dan ini telah terbokti dalam sejarah, oleh itu kita sabagai warithan dari dato nenek kita yang tegoh berpegang kapada ajaran2 Allah, maka kita hendak-lah berazam untok meneruskan chita2 yang suchi itu, ia-itu akan meneruskan chita2 yang suchi itu, menyemarakan shi'ar Islam di-negeri ini dan mempertahankan ajaran2 Allah daripada anasir2 yang chuba mengganggu gugat, Amin," ujar Yang Berhormat Pehin.

Menyentoh dengan pembenaan masjid baru Sungai Liang itu, Yang Berhormat Pehin menerangkan pembenaan masjid tersebut ada-lah termasok dalam Ranchangan Kemajuan Negara Lima Tahun dan telah mula di-gunakan pada akhir tahun 1979 dan pembukaan rasmi-nya, sengaja di-lambatkan untok mengambil sempena kedatangan tahun baru Hijrah yang mana di-fikirkan amat baik untok menjadi ingatan bagi pendudok2 sekitar Mukim Sungai Liang.

Yang Berhormat Pehin juga berharap agar masjid baru itu nanti akan bener2 menjadi tempat penggerak yang kuat dan menjadi lambang dalam menegakkan ajaran2 Islam dan menepati dengan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada memberikan kornia untok pembenaan masjid2.

Dari muka 1

Haji Abdul Aziz menjadi tetamu kehormat di-majlis tersebut.

Di-Daerah Tutong, sambutan yang telah di-adakan di-Masjid Hassanal Bolkiah dan tetamu kehormat ia-lah Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Idris. Sementara di-Daerah Temburong ia-lah di-Masjid Utama Mohammad Salleh dan Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Lela Sahibul Kahar Pengiran Anak Mohd Yusof ia-lah tetamu kehormat di-majlis tersebut.

Di-Daerah Belait pula ia-lah di-Masjid Kampong Sungai Liang dan achara pada petang itu di-selajorkan dengan pembukaan masjid tersebut oleh Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin.

Lain2 achara yang telah di-adakan sempena sambutan awal Tahun Hijrah 1401 pada minggu lalu ia-lah Pameran Gambar2 dan bahan2 Sambutan Tahun Hijrah 1400, Khemah Kerja Belia, dan Khatam Al-Kor'an Penuntut2 Kelas Dewasa yang di-adakan di-empat daerah pada hari Isnin lalu.

Sambutan2 sempena awal Tahun Hijrah ini akan di-teruskan dengan berbagai2 achara sa-hingga 7hb Disember depan.

## 432 guru lulus dari MPUSB

Dari muka 1

mesti-lah terus berusaha menyelidek dan menchari segala pengetahuan yang di-hajatkan.

"Perkara2 menchari ilmu tidak semua-nya boleh di-dapat di-bangku sekolah, dan tidak semua-nya boleh di-dapat di-Maktab Perguruan, bahkan ia banyak bergantong kapada inisiatif sendiri, baik menerusi perbinchangan, menerusi pergaulan dan yang sa-umpamanya," jelas Yang Behormat.

Dari itu menurut-nya usaha untok menimba ilmu pengetahuan itu tidak-lah sa-mestinya terhenti sa-takat menerima sijil kelulusan Maktab Perguruan Ugama malahan ia-nya hendak-lah di-teruskan demi untok mengembangkan shi'ar Islam di-negeri ini.

Sejak Maktab Perguruan Ugama di-tubohkan kira2 lima tahun yang lalu sa-ramai 432 orang guru telah berjaya menamatkan kursus perguruan ugama dan telah menjadi Guru2 Ugama Telateh.

Majlis yang di-adakan pada hari itu ada-lah merupakan upachara kali ke-enam bagi sa-ramai 59 orang guru2 lepasan maktab bagi kursus 'A' dan 'B'. Juga menerima sijil mereka ia-lah sa-ramai 15 orang guru yang mengikuti Kursus Lanjutan Ilmu Feqeh yang telah berjaya menamatkan kursus mereka sa-lama sa-tahun di-maktab tersebut.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.